

**(Majlis Mesyuarat disambung  
semula pada pukul 2.00 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada persidangan yang telah kita adakan di sebelah pagi tadi kita telah mendengar kenyataan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II Kedua tentang pembentangan dan hala tuju Bajet Kewangan Negara iaitu dalam bentuk Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019. Rang Undang-Undang ini telah pun selesai kita bahaskan dan telah dibaca bagi kali keduanya. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu persatu maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan dahulu dan majlis ini akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
**Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu persatu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Bab 2 Ceraian (1) dan Ceraian (2).

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang ditumpukan kepada Bab 2 Ceraian (1) dan Ceraian (2). Silakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bercakap.

**(Tidak ada Ahli Yang ingin  
bercakap)**

Jika tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskan Bab 2 Ceraian (1) dan (2) maka Bab 2 Ceraian (1) dan (2) ini akan saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Bab 2 Ceraian (1) dan (2) sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan  
tanda bersetuju)**

Terima kasih nampaknya semua bersetuju.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Bab 2 Ceraian (1) dan (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita membincangkan Tajuk-Tajuk Jadual seterusnya, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa kita hanya membincangkan Tajuk-Tajuk Jadual ini berdasarkan kementerian-kementerian dan tidak lagi melalui jabatan-jabatan seperti yang telah pun kita lakukan dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Walau bagaimanapun, oleh sebab Jabatan Perdana Menteri mempunyai 23 buah jabatan di bawahnya,

perbincangan ini eloklah kita bahagikan kepada 3 bahagian. Supaya perhatian kita akan dapat tertumpu kepada Tajuk-Tajuk yang berkenaan itu. Sekarang kita mulakan dengan Tajuk SA01A-Jabatan Perdana Menteri hingga Tajuk SA07A-Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Jabatan Perdana Menteri. Tajuk SA01A – Jabatan Perdana Menteri hingga Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی اَشْرَفِ الْاَنْبِیَاءِ  
وَالْمُرْسَلِیْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi sebelum Jawatankuasa ini membincangkan bajet Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara ringkas mengenai tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2018/2019 ini. Kaola memohon kepada Yang Berhormat Pengerusi untuk sekali gus merangkum semua sekali Jabatan-Jabatan yang ada di bawah Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat. Saya mohon maaf tidak memberikan Yang Berhormat peluang untuk memberikan

mukadimahnyanya sebagaimana yang lazim kita lakukan. Silakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Tujuan kaola ini semata-mata untuk memandu perbincangan supaya ia lebih menjurus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal belanjawan yang akan dibincangkan.

Dalam mendukung hasrat untuk merealisasikan aspirasi dan matlamat Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri selaku agensi peneraju atau *lead agency* memainkan peranan secara berterusan dalam memperkukuhkan dan memperkesakan lagi sistem kerajaan secara menyeluruh meliputi kepimpinan tadbir urus yang baik atau *good governance*. Pembentukan dan pelaksanaan dasar serta penyampaian perkhidmatan berkualiti.

Mengambil kira cabaran merentas kementerian atau *cross ministry challenges* ia setentunya memerlukan pendekatan *whole of nations* bagi memastikan pihak-pihak berkepentingan melaksanakan usaha-usaha dan tindakan-tindakan secara kolektif dan bersepadu sejajar dengan kepentingan negara dan masyarakat.

Jabatan Perdana Menteri telah merangka cadangan belanjawan ini berasaskan prinsip-prinsip berikut:

1. Ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam seperti yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035 dengan mengutamakan

keberkesanan kerajaan. Salah satu tumpuan utama ialah peningkatan kecemerlangan kepimpinan ataupun *leadership excellence*. Beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan seperti penilaian Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator*.

Dalam penyampaian perkhidmatan yang dikhususkan kepada peningkatan produktiviti, organisasi dan dalam masa yang sama memberikan kesan kepada peningkatan produktiviti di peringkat individu. Inisiatif lain ialah mempertingkatkan lagi pembangunan kepimpinan dan meluaskan lagi *talent pool*, di samping mengenal pasti kompetensi setiap peringkat dalam perkhidmatan awam bagi peningkatan keberkesanan melalui rangka kerja Pembangunan Kompetensi atau *Competency Development Framework*. Pembinaan kapasiti perkhidmatan awam turut ditekankan melalui pembudayaan etika kerja cemerlang. Peningkatan produktiviti dan pengukuhan integriti;

2. Mendukung hasrat bagi meningkatkan produktiviti dan perbelanjaan berhemah yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berbagai-bagai program dan usaha akan diteruskan sama ada di peringkat kementerian mahupun di peringkat jabatan-jabatan di bawahnya. Peningkatan produktiviti juga perlu dijana di

sektor awam dan swasta melalui peningkatan tahap pendidikan penggunaan teknologi terkini dan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan atau *research in development*. Selain itu Jabatan Perdana Menteri akan sentiasa mengambil peranan sebagai pemudah cara bagi apa jua inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan di bawahnya;

3. Penambahbaikan berterusan serta pelaksanaan dasar-dasar dan peraturan, Jabatan Perdana Menteri akan sentiasa berusaha memperkukuhkan tadbir urus yang baik atau *good governance* bagi memastikan jentera pentadbiran negara sentiasa berkesan dan berintegriti. Undang-undang dan peraturan akan sentiasa dikuatkuasakan dengan berkesan dan adil agar ianya dipatuhi dan integritinya terpelihara;
4. Pengukuhan keyakinan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dasar-dasarnya melalui pemberitaan maklumat, inisiatif-inisiatif dan acara-acara kerajaan termasuk pemberitaan penglibatan kepimpinan di arena antarabangsa. Pemberitaan maklumat dilaksanakan melalui beberapa saluran kepada segenap lapisan masyarakat agar mereka memahami dan menghargai setiap tindakan kerajaan adalah semata-

mata bagi kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini; dan

5. Mendukung keselamatan masyarakat dan negara dengan mengambil pendekatan *whole of nations* semua pihak-pihak yang berkepentingan terdiri daripada agensi-agensi penguatkuasaan kerajaan dan swasta akan terus bertindak merangka strategi untuk memelihara kestabilan politik.

Mempertahankan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan. Ini termasuklah dalam meningkatkan kerja-kerja pembanterasannya jenayah dan pengukuhan keupayaan agensi-agensi berkepentingan dalam mengendalikan krisis-krisis dan merentas sempadan.

Berasaskan kepada 5 prinsip tersebut, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah berusaha menghadkan permohonan peruntukan yang kurang daripada sepatutnya. Kita akan lihat dari 22 jabatan yang ada terdapat di bawah Jabatan Perdana Menteri, 7 buah jika ditolak 7 ataupun 5 jika ditolak dari Kementerian Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, dan Jabatan Elektrik yang mempunyai peruntukan yang kurang seperti Jabatan Adat Istiadat Negara dari \$2,850,625 kepada \$2,850,550.

Jabatan Radio Televisyen Brunei - dari \$41,517,000 kepada \$41,499,140.

Jabatan Penerangan \$6,245,622 kepada \$6,225,470.

Jabatan Percetakan Kerajaan dari \$8,304,687 kepada \$6,238,410.

Jabatan Perkhidmatan Awam daripada \$26,161.677 kepada \$25,847,630.

Manakala jabatan yang lain hanyalah mengikut keperluan mesti sahaja disebabkan pertambahan kakitangan dan kenaikan gaji.

Jika diperhatikan keseluruhan jumlah peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya masih pada tahap yang seimbang sahaja iaitu dari \$532,089,235 kepada \$537,450,990, Kalau ditolak dengan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara \$6 juta menjadikan \$531,450,990 iaitu kurang sebanyak \$638,245.00 Jabatan Perdana Menteri memegang falsafah 'biar cangkik jangan putus' dan akan sentiasa berjimat cermat dan berhemah. Walaupun, jika ada tanda-tanda ketara harga komoditi sama yang menjadi nadi ekonomi negara ialah iaitu harga minyak dunia akan meningkat.

Tetapi ini tidak menggerakkan hati Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk berbelanja menghabiskan peruntukan atau mencurahkan peruntukan yang ada selarah-larahnya bak kata pepatah,

'mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan'.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Yakinlah bahawa Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, misi dan visinya yang masing-masing akan tetap berpegang kepada konsep-konsep "Berpada pada yang ada, berjimat sebelum habis".

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Berasaskan prinsip-prinsip di atas, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2018/2019 telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak \$537,450,990. Jumlah ini tidaklah termasuk belanjawan dan peruntukan kepada Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Dahulunya, permohonan peruntukan dan belanjawan Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian dan jabatan-jabatan di bawahnya disatukan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada masa sebelum *cabinet reshuffle* pada 30 Januari 2018 yang baru lalu.

Merujuk perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat semasa ucapan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 6 Mac 2018, besarlah hati kaola untuk menjelaskan perkara-perkara berkenaan seperti berikut:

1. Menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara mengenai pembersihan daripada sampah dan kotoran. Perundangan mengenainya disediakan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30 Bab 12 (1) iaitu mengenai Kesalahan Membuang Sampah.

Jika sabit kesalahan, Mahkamah Majistret bolehlah menjatuhkan hukuman tidak lebih daripada \$1,000.00 dan jika kesalahan kedua atau seterusnya maka Mahkamah Majistret bolehlah menjatuhkan hukuman sebanyak \$3,000 atau menjatuhkan penjara tidak lebih daripada 3 bulan.

Seperti yang dimaklumi, untuk makluman kita semua, pihak berkuasa bolehlah juga mengenakan denda kompaun tidak lebih daripada \$500, sekiranya perkara ini tidak dibawa ke mahkamah. Ia juga termasuk di bawah Bab 38A (1) di dalam Akta yang sama hukuman-hukuman bolehlah dijadikan sebagai satu atau *deterrent factor* atau amaran kepada orang-orang lain yang ingin membuat kesalahan yang sama.

Menaikkan hukuman atau kompaun ke satu tahap yang tinggi boleh ambil kira jika ia bertujuan untuk

pengajaran kepada masyarakat khususnya pesalah-pesalah yang terbabit.

Salah satu cara lain yang boleh difikirkan ialah mengadakan hukuman melalui khidmat masyarakat iaitu *Community Service* seperti yang dipraktikkan di negara-negara yang lain. Salah satu contoh ialah mengutip sampah di kawasan-kawasan tertentu. Ini bukan sahaja memberikan pengajaran kepada mereka bahkan menanamkan sifat bertanggungjawab.

2. Mengenai Penguatkuasaan Hal-Ehwal Akta mengenai tembakau. Kita mempunyai Akta Perintah Tembakau 2015 yang perintah ini mengharamkan pengiklanan yang berkaitan dengan merokok, pengawalan dan penggunaan produk-produk tembakau, pengawalan penjualan, promosi, pembungkusan dan keterangan perdagangan produk-produk tembakau, larangan merokok di tempat awam serta kenderaan awam yang ditentukan.

Pengimportan rokok adalah terhad dan mana-mana pihak yang membawa masuk tanpa mendeklarasikannya di sempadan atau pos-pos kawalan kastam adalah melakukan satu kesalahan di bawah akta berkenaan.

Maka dengan adanya peruntukan undang-undang ini yang bertujuan untuk menangani masalah tembakau

dan kebersihan dipikulkan kepada pihak-pihak berkenaan untuk melaksanakan penguatkuasaannya. Pihak penguatkuasa akan memastikan keberkesanan undang-undang berkenaan dalam perkara ini.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu berhubung Perkhidmatan Pasukan Polis Diraja Brunei yang perlu dipertingkatkan, kaola berbesar hati untuk menjelaskan. Sebelum kaola menjelaskan izinkan kaola mencatatkan di sini merakamkan ucapan tahniah kepada Pasukan Polis Diraja Brunei sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-97 Pasukan Polis Diraja Brunei yang ditubuhkan pada tahun 1921.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Langkah-langkah progresif yang diambil oleh Pasukan Polis Diraja Brunei antaranya ialah Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Jawatankuasa Perkembangan Sumber Manusia bertanggungjawab kepada pembangunan kapasiti pasukan dalam menjana warga pasukan yang berpengetahuan dan berkemahiran dengan merangka program-program latihan yang berbentuk asas perkembangan dan kepakaran menangani cabaran-cabaran kepolisan masa kini.

Pasukan polis akan terus membuat perancangan yang lebih rapi terhadap perisian latihan dengan melaksanakan

analisis keperluan latihan, (*Training Need analysis*) bagi mengenal pasti jenis-jenis dan peringkat-peringkat latihan.

Di samping itu, Pasukan Polis Diraja Brunei juga menerapkan *Scenario Based Training* dalam program latihan yang ada pada masa ini. Ke arah perancangan peningkatan organisasi yang menyeluruh, Pasukan Polis Diraja Brunei akan memberi tumpuan untuk mereka bentuk pasukan program-program perkembangan memantapkan kewibawaan profesionalisme setiap lapisan warga pasukan.

Program-program tersebut akan berasaskan kepada 3 peringkat kepimpinan berdasarkan tahap-tahap kepimpinan dan pengurusan iaitu strategik, taktikal operasi dan mengikut konteks kepolisan. Dalam usaha meningkatkan usaha keupayaan kapasiti dalam jangka masa panjang, Pasukan Polis telah memohon Polis Akademi melalui RKN 11.

Antara objektif Polis Akademi adalah untuk menjadi *learning hub* bagi semua organisasi penguatkuasaan undang-undang negara. Selain melatih polis daripada merekrut kepada ulang kaji, akademi ini boleh menjadi tumpuan semua latihan bagi penguatkuasaan undang-undang.

Apa yang disebutkan tadi adalah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei bagi memenuhi keperluan-keperluan kemahiran ketika ini secara berterusan. Mana-mana jurang kemahiran akan

cuba dikenal pasti dan dijadikan inisiatif-inisiatif akan datang. Ini termasuk mempertimbangkan perubahan-perubahan kepada latihan-latihan disebabkan oleh peresapan teknologi.

Pengawasan kejiranan membantu Pasukan Polis Diraja Brunei menangani dan mencegah jenayah. Pasukan Polis Diraja Brunei mempunyai pelbagai strategi dalam usaha menangani dan mencegah aktiviti jenayah antara lain seperti:

1. Meningkatkan keberadaan polis, (*police visibility*);
2. Menubuhkan *task force* penyiasatan;
3. Operasi sepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan; dan
4. Meningkatkan Program Pengawasan Kejiranan.

Dalam perkara ini, bagi menilai keberkesanan pengawasan kejiranan dalam mencegah jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei telah melaksanakan kajian terperinci bertujuan mengenal pasti tahap keberkesanan pengawasan kejiranan terhadap jumlah kes-kes jenayah.

Hal ini ditangani dengan menggunakan kaedah-kaedah penganalisan yang tertentu dalam membandingkan aktiviti pengawasan kejiranan dan jumlah kes jenayah bagi mengenal pasti impak yang telah diberikan oleh aktiviti Pengawasan Kejiranan terhadap jumlah kes jenayah tersebut.

Hasil dari analisis statistik tersebut, Program Pengawasan Kejiranan inilah yang berkesan secara keseluruhan dengan memberikan impak positif iaitu penurunan jumlah kes-kes jenayah yang dilaporkan kepada pihak-pihak polis dalam tempoh tahun 2014 hingga 2016. Bagi tahun 2017, jumlah keseluruhan kes polis yang dilaporkan adalah 5,196 kes.

Merujuk kepada kadar jenayah pula kadar jenayah pada tahun 2017 ialah 810 bagi setiap 100,000 penduduk di negara ini, Pasukan Polis Diraja Brunei berhasil mencapai sasaran Wawasan Negara Brunei 2035 iaitu 840. Bagaimanapun, Pasukan Polis akan terus mempertingkatkan usaha-usaha mencegah jenayah.

Sejak pengaktifan semula Pengawasan Kejiranan pada tahun 2014, ia memfokuskan kepada 3 komponen utama bagi memastikan keberkesanan pengurangannya kadar jenayah iaitu dengan mengawal pendekatan aktiviti kebajikan sosial dan aktiviti operasi. Ia juga dapat dilihat melalui penglibatan orang ramai dalam aktiviti Pengawasan Kejiranan secara sukarela semakin meningkat terutama sekali dalam rondaan pencegahan jenayah.

Langkah-langkah proaktif pengawasan kejiranan dalam menangani jenayah antaranya mengenal *hotspot* di kampung-kampung, meningkatkan keberadaan pengawasan kejiranan melalui 3 komponen utama, memantau aktiviti Pengawasan Kejiranan secara berterusan di Balai Polis, *stakeholder*

*engagement*, (*commercial areas* dan *bank*), menjalankan ceramah dan taklimat secara berterusan melibatkan belia dengan Pengawasan Kejiranan.

Menjaga keselamatan merupakan tanggungjawab bersama yang perlu dipikul oleh semua pihak dan bukan sahaja diletak di bahu Pasukan Polis Diraja Brunei. Dalam hubungan ini, pengawasan kejiranan merupakan salah satu mekanisme yang memerlukan penglibatan orang awam untuk lebih proaktif antaranya menjadi mata dan telinga Pasukan Polis Diraja Brunei dengan menyalurkan perkongsian maklumat yang relevan demi keselamatan terutama jenayah, aktiviti yang mencurigakan dan membantu meningkatkan kesedaran memberigakan langkah-langkah pencegahan jenayah.

Semua rancangan dan kerja yang disebutkan dimasukkan ke dalam Peruntukan Tahunan Pasukan Polis Diraja Brunei berjumlah \$124,061,200.00. Untuk itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Secara ringkas yang dapat kaola terangkan tentang cadangan belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan menumpukan kepada kerja-kerja dan aktiviti di Pasukan Polis Diraja Brunei dan jabatan-jabatan lain di bawahnya.

Sebelum mengakhiri kaola ingin memaklumkan bahawa kaola ada 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang dikatakan tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah,



Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara bahawa isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka. Maka kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya bajet bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih  
Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. Kaola membawakan Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri. Terdapat beberapa jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri menggunakan bahasa Inggeris dalam *website* rasmi dan media cetak. Padahal bahasa rasmi negara adalah Bahasa Melayu.
2. Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat. Adakah sudah dibukukan Adat Istiadat 7 Puak Melayu Brunei untuk

bahan bacaan dan pengetahuan generasi ke generasi akan datang selain Adat Istiadat Melayu Brunei. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat suka menjawab terus ataupun menunggu semua soalan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Kaola mohon supaya soalan-soalan itu dikumpulkan dulu semuanya.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SA03A B00400 - Jabatan Audit. Pemeliharaan Aset Kerajaan. Bagi Jabatan Perdana Menteri keseluruhan perbelanjaan bagi pemeliharaan aset ialah sebanyak \$39.8 juta manakala jumlah keseluruhan seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II pagi tadi ialah \$238.2 juta merangkumi kesemua kementerian-kementerian.

Salah satu jabatan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri ialah Jabatan

Audit. Kaola ingin mengemukakan beberapa soalan mengenai proses-proses pengauditan dan data-data yang telah dikumpulkan oleh jabatan tersebut.

Apabila menyentuh mengenai proses pengauditan selain pengauditan projek-projek kemajuan kerajaan kaola ingin mengetahui sekali tentang pengauditan bangunan-bangunan kerajaan yang terbiar di seluruh negara. Adalah difahami bahawa bangunan-bangunan kerajaan ini di bawah kawalan kementerian-kementerian yang tertentu. Adakah data-data mengenai bangunan-bangunan yang terbiar ini? Mengapa ia masih dibiarkan kosong dan tidak terungkayah? Sedangkan bangunan-bangunan ini merupakan aset-aset penting dan berharga bagi pihak kerajaan mahupun agensi-agensi yang berkepentingan.

Sebagai contoh, bangunan-bangunan yang terdapat di tempat-tempat kediaman kawasan-kawasan sekolah.

Kaola ada melawat baru-baru ini, Sekolah Rendah Labi di Daerah Belait di kiri kanan kawasan sekolah tersebut terdapat bangunan-bangunan kediaman yang dibiarkan kosong yang telah ditumbuhi lalang yang menjalar di sekitar dinding-dinding bangunan tersebut. Tambahan lagi ada juga bangunan pejabat ataupun perpustakaan, kaola tidak pasti terletak di sebarang hadapan sekolah tersebut di mana gulungan wayar tebal dibiarkan di halaman bangunan terbabit.

Apa yang merisaukan kaola ialah mengenai penyalahgunaan tempat-tempat terbiar ini yang kita tidak ketahui penggunaannya. Boleh sahaja aktiviti-aktiviti berbahaya dijalankan di bangunan-bangunan tersebut apatah lagi ia terletak berhampiran dengan sekolah rendah. Apakah halnya jika anak-anak sekolah ini dengan tidak sengaja ingin menerokai bangunan-bangunan terbiar ini tanpa diawasi dan disedari oleh sesiapa.

Ini akan mendatangkan bahaya kepada mereka apa lagi semasa waktu berehat dan semasa tamat waktu persekolahan mahupun hari-hari biasa. Kita melihat *health & safety issue as a priority*. Bukan itu sahaja bangunan-bangunan terbiar ini jika dikawal dan diperbaiki secara berfasa ia akan dapat lebih mendatangkan manfaat kepada pertumbuhan masyarakat dan komuniti di kawasan yang terlibat.

Apa lagi jika kawasan-kawasan yang mempunyai bangunan-bangunan terbiar diusahakan oleh orang-orang kampung, masyarakat, pihak-pihak swasta tempatan mahupun NGO's yang mahu mengembangkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan atau perusahaan mereka.

Kaola yakin perkara ini memang ada pihak-pihak *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan mahu meluaskan penggunaan bangunan-bangunan tersebut ke arah yang lebih mendatangkan manfaat dan faedah kepada semua pihak termasuklah pihak kerajaan.

Menyentuh mengenai penggunaan bangunan-bangunan ke arah yang berfaedah, kaola tertarik untuk mengaitkan satu contoh program di bawah pengendalian dan pemantauan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan iaitu riyah wahmahabbah iaitu program bagi murid-murid tahun 6 yang terpilih. Ia akan ditempatkan di Asrama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di mana mereka juga menjalankan pembelajaran di sebelah malam.

Program ini juga khusus untuk meningkatkan kedatangan murid-murid kepada sekurang-kurangnya 95% dan meningkatkan kemampuan belajar mereka untuk berjaya dalam peperiksaan PSR.

Apa kiranya jika program ini diluaskan keempat-empat daerah dan setiap daerah mempunyai atau satu asrama iaitu satu sekolah terpilih di setiap daerah. Ini secara tidak langsung membantu meningkatkan penggunaan bangunan-bangunan terbiar di bawah kementerian-kementerian yang digunakan ke arah yang lebih bermanfaat dan dapat membantu komuniti masyarakat terutama sekali pelajar-pelajar sekolah yang terlibat. Tambahan pula, jika sekiranya bangunan-bangunan tersebut dibuka secara *leasing* kepada sektor swasta ia akan juga dapat menambah hasil (*revenue*) kerajaan.

Apakah hasil terkini pihak Jabatan Audit dalam usaha-usaha pengauditan yang telah dilakukan setakat ini?. Kaola

berharap dengan perkongsian idea dan pendapat mungkin akan lebih diambil kira dalam perancangan pembaikan pihak kementerian-kementerian secara am pada masa akan datang.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:**

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَرَحْمَةً اللّٰهُ وَتَرَكَّاهُ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas apa yang telah diterangkan tadi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola juga ingin menyokong Usul yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai bangunan-bangunan kosong yang berhampiran Sekolah Menengah Labi, yang kaola ketahui bahawa ada 2 buah bangunan di bawah Pengajian Islam dan satu berek di bawah Kementerian Kesihatan dan perkara tersebut telah kaola usulkan kepada jabatan-jabatan berkenaan dan setakat ini belum ada apa-apa tindakan yang diambil.

Seterusnya, kaola sukacita menyentuh mengenai Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat.

Kaola ingin bertanya kepada Jabatan Adat Istiadat mengenai pegawai-pegawai kerajaan yang telah di jemput pegawai-pegawai divisyen II dan III yang masih lagi dijemput bagi menghadiri mana-mana majlis yang berkuota yang dikeluarkan oleh Jabatan Adat Istiadat atau mana-mana jabatan yang berurusan dengan Jabatan Adat Istiadat.

Perkara ini menutup peluang pegawai-pegawai baharu yang berkelayakan bagi menghadiri majlis-majlis yang dinyatakan tadi. Mohon perkara ini dapat dikaji balik atau disemak untuk memberi peluang serta laluan kepada pegawai-pegawai baharu yang berkeinginan menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Adat Istiadat atau jabatan-jabatan berkenaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah meneliti atau sedang meneliti Jabatan Perdana Menteri khususnya mengenai Tajuk-Tajuk SA01A hingga SA07A. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin bertanya lagi. Silakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA02A - Jabatan Adat Istiadat - kod 003/002 iaitu Program dan Aktiviti Sebaran dan Penerbitan. Jumlah anggaran perbelanjaan 2018/2019 adalah \$266,290 .

Dalam majlis rasmi yang dianjurkan oleh badan-badan dan persatuan-persatuan mahupun jabatan-jabatan yang menjemput pembesar-pembesar negara masih terdapat kekeliruan dan keraguan untuk menentukan tempat duduk, ketertiban dan susun acara. Ramai yang belum memahami akan cara penggunaan adat istiadat yang tertentu. Soalan kaola, adakah cadangan bahagian sebaran dan penerbitan untuk menerbitkan buku panduan untuk diberikan secara percuma atau dijual bagi rujukan orang ramai yang akan menganjurkan majlis-majlis rasmi berkenaan?. Sekian sahaja dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi, saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
Lebih dahulu saya merakamkan penghargaan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan taklimat mengenai Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin menyentuh mengenai pusat mengesahkan kesahahihan maklumat mengenai Tajuk SA01A – Jabatan Perdana Menteri. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini beberapa agensi kerajaan telah menafikan beberapa berita yang ditularkan melalui *whatsapp*.

Dalam hubungan ini, sukacita saya mencadangkan supaya satu pusat pengesahan pensahihan maklumat dibentuk supaya orang ramai boleh menghubungi pusat ini untuk mengetahui sama ada berita yang ditularkan itu berita sebenar ataupun berita palsu. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya balikkan soalan-soalan ini kepada Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri atau Yang Berhormat Menteri-Menteri lain yang suka untuk memberikan penerangan terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan tadi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan**

**Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mohon maaf ada antaranya soalan yang dikemukakan itu mungkin tidak ada kena-mengena atau pun tidak berkenaan dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun akan kaola cuba untuk menyelusuri jawapan-jawapan atau soalan-soalan tersebut dari mana-mana sudut yang dapat diberikan. Antara soalan yang menarik perhatian ialah mengenai bangunan-bangunan yang kosong, yang terbiar dan sebagainya yang telah diaudit oleh Jabatan Audit tapi masih terbiar.

Perkara ini memang jadi perhatian Jabatan Perdana Menteri dan pihak yang berkenaan Jabatan Audit telah memberikan laporan-laporannya kepada pihak-pihak atau pun jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian yang berkenaan untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi perkara-perkara yang diadukan ataupun perkara yang terdapat dalam masalah-masalah bangunan-bangunan kosong itu.

Mengenai penyalahgunaan bangunan tersebut, memang Jabatan Perdana Menteri mengetahui daripada laporan-laporan mengenai bangunan-bangunan yang disalahgunakan ataupun mungkin disalahgunakan tetapi perkara-perkara ini telah dirujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan baik jabatan ataupun kementerian-kementerian yang ada sangkut pautnya dengan rancangan bangunan tersebut.

Selain itu, cadangan supaya bangunan yang digunakan bagi bangunan Sekolah Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah untuk diluaskan penggunaannya kepada sekolah-sekolah lain, saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri mengucapkan terima kasih atas cadangan tersebut dan menyambut cadangan tersebut dengan tangan terbuka dan mengharapkan akan ada daripada pihak yang mencadangkan butir-butir lanjut untuk apa kegunaan-kegunaan bangunan-bangunan tersebut.

Mengenai bangunan-bangunan kosong sekali lagi ada kena-mengena dengan bangunan-bangunan yang terbiar.

Perkara-perkara ini telah diberikan maklumat kepada kementerian-kementerian ataupun jabatan-jabatan yang berkenaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Soalan lain ialah mengenai pegawai-pegawai kerajaan yang telah dijemput yang lama-lama tapi masih dijemput sehingga tidak ada peluang kepada pegawai-pegawai baharu untuk menghadiri jemputan-jemputan itu.

Perkara ini akan menjadi perhatian pihak Jabatan Adat Istiadat dan Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti semula senarai nama yang dijemput itu kerana mereka yang dijemput ini memang menyatakan akan hadir bagi jemputan-jemputan yang diberikan kepada mereka dan bila mereka menjawab kita tidak dapatlah menolak kesediaan mereka untuk hadir dan mengharapkan supaya perkara ini akan jadi bahan pemikiran pihak Jabatan Adat Istiadat supaya lebih melihat lagi apakah keadaan-keadaan yang penting bagi membolehkan pegawai-pegawai baharu itu dapat menghadiri jemputan-jemputan yang telah diberikan ini juga bergantung pada keadaan ataupun persediaan tempat-tempat majlis-majlis itu diadakan.

Mungkin ada antaranya yang tidak dapat menampung keramaian orang yang dijemput. Maklumlah sekarang ini pegawai-pegawai baharu yang muda-muda dalam jumlah yang banyak yang memerlukan penelitian semula.

Mengenai badan tempat mengadakan kekeliruan ataupun masalah-masalah tular, cadangan untuk ditubuhkan semacam jabatan ataupun badan tempat mengadakan perkara-perkara yang ditularkan sama ada perkara itu sah atau tidak maka perkara ini akan diberikan perhatian dan cadangan ini boleh dikatakan cadangan yang membina.

Walau bagaimanapun, di jabatan-jabatan tertentu mempunyai bahagian-bahagiannya untuk menjawab ataupun sama ada menafikan ataupun membetulkan berita-berita tularan itu supaya dapat membetulkan kesilapan-kesilapan ataupun untuk makluman orang ramai bahawasanya berita itu adalah berita-berita tular.

Sekian sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi, manakala soalan-soalan yang lain akan saya mohon pada Pengerusi untuk dapat saya berikan jawapan kemudian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sekarang Tajuk SA01A hingga SA07A akan kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**  
Tajuk SA01A - Jabatan Perdana Menteri

hingga Tajuk SA07A - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei hingga Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Dalam senarai yang berkenaan ini terdapat Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Saya ingin memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian kalau ia suka untuk memberikan penerangannya mengenai hala tuju jabatannya setakat ini.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya ada 2 Tajuk Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Tajuk SA15A dan Tajuk SA24A – Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang kaola boleh akan memberikan keterangan secara ringkas untuk 2 peruntukan jabatan ini.

Lebih dahulu peramba/kaola/saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II yang telah membentangkan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, (2018/2019).

Peramba/kaola/saya berterima kasih atas peruntukan yang disediakan untuk Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian sebanyak \$13,256,410.00 dan untuk Jabatan Perkhidmatan Elektrik sebanyak \$128,722,200.00 bagi tahun kewangan 2017/2018.

Yang Berhormat Pengerusi, izinkan peramba / kaola / saya memberi penerangan ringkas mengenai fokus aktiviti-aktiviti di bawah Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2018.

Sehubungan itu, Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian akan meningkatkan pengawalseliaan dan pengurusan khazanah *hydro-carbon* negara secara efektif dan teratur. Dengan mengambil kira keadaan pada masa ini yang nampaknya terdapat kekurangan pekerja tempatan memegang jawatan pengurusan.

Perkara ini akan dikaji semula dengan langkah-langkah yang berpatutan akan dikenal pasti bagi menyalurkan anak-anak tempatan kepada jawatan-jawatan ini. Pada yang sama, bagi menuju ke arah kepelbagaian ekonomi Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk memajukan sektor-sektor dan bidang-bidang keperluan negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan ini, saya ingin mengutarakan mengenai dengan hal ehwal tenaga. Pada tahun 2018, pengeluaran minyak dalam negeri

dijangkakan sebanyak 127,600 tong sehari, berbanding dengan 113,170 tong sehari pada tahun 2017. Namun begitu, usaha-usaha penerokaan dan penggerudian minyak baharu akan dipertingkatkan bagi mengimbangi penurunan pengeluaran disebabkan oleh *matured fields* dan *natural decline*.

Dalam pada masa yang sama, sumber tenaga alternatif sedang diterokai. Jabatan ini akan turut melihat pada perkembangan sektor hiliran bagi menghasilkan produk-produk *value added* yang berdaya tahan lagi.

Dalam hal perkhidmatan tenaga elektrik, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah meningkatkan *reliability* tenaga termasuk pengurangan gangguan bekalan elektrik sebanyak 76% sejak tahun 2010. Sasaran bagi tahun 2018 adalah pengurangan kepada 81% berbanding tahun 2010 dengan melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan prasarana bekalan tenaga elektrik dengan lebih efisien dan teratur.

Bagi sektor perindustrian yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan ekosistem perniagaan yang kondusif, kedudukan bagi Negara Brunei Darussalam dalam laporan Bank Dunia *Doing Business 2018* telah meningkat ke 56 daripada 190 ekonomi, berbanding dengan kedudukan ke 72 pada tahun sebelumnya. Usaha-usaha akan diteruskan agar segala reformasi yang dijalankan mendatangkan impak secara langsung kepada pengusaha-pengusaha.

Dukungan keusahawan akan diteliti dan dimantapkan lagi untuk memperkasakan lagi pengusaha-pengusaha dan para koperasi agar lebih kompetitif dan berdaya tahan.

Program-Program Keusahawan dan juga yang berkaitan dengan kemahiran asas seperti *financial literacy* akan terus dikendalikan oleh *Darussalam Enterprise* melalui program *Industry Business Academy*. Setakat ini, pihak *Darussalam Enterprise* telah menjalankan 92 kelas *Industry Business Academy* yang dihadiri oleh 2,200 orang.

Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian menghargai Program-Program Keusahawan lain yang dianjurkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi dan sektor swasta. Di samping itu, skim-skim bagi peningkatan daya eksport dan menilai keupayaan perusahaan mikro kecil dan sederhana akan dilaksanakan oleh *Darussalam Enterprise*.

Lebih lagi Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian akan bekerjasama dengan agensi-agensi berkenaan untuk memaksimumkan limpah kesan perkembangan sektor perindustrian termasuk projek-projek Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) bagi memanfaatkan perusahaan mikro kecil dan sederhana peniaga-peniaga dan pekerja-pekerja tempatan. Insya-Allah perkembangan sektor ini akan menjana peluang-peluang pekerjaan lagi bagi anak-anak tempatan. Inisiatif-inisiatif jabatan ini akan diteruskan untuk melahirkan



tenaga kerja yang mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri di pelbagai sector.

Dalam perkara ini, seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, Pusat Pembangunan Kapasiti berjaya mengeluarkan 619 pelatih bagi menjalankan kerja-kerja di Pulau Muara Besar. Bagi tahun 2018, pelepasan seramai 1,740 pelatih lagi akan didasarkan. Sejak ia diperkenalkan pada Julai 2013, *Scheme Industry Competency Framework* juga telah diikuti oleh 3,797 orang pelatih dan telah dilaratkan di beberapa sektor seperti sektor pembinaan, sektor *hospitality*, sektor pengangkutan dan logistik, sektor informasi teknologi dan *creative industry* dan sektor agrimakanan.

Di peringkat graduan, skim perintis graduan *i-Ready* juga disertai oleh 1,163 graduan. Setakat 22 Februari 2018, seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kerja para garduan.

Akhir sekali, insya-Allah dengan kerjasama semua daripada sektor awam, sektor swasta dan orang ramai, ia akan mendatangkan kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi negara serta pemeliharaan kesejahteraan rakyat. Semoga kita seterusnya bertawakal dan sentiasa diberi petunjuk dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wataala.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian atas keterangan ataupun penerangan mengenai hala tuju kementeriannya. Sekarang perkara ini kita bukakan untuk dibahaskan. Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

**Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk Tajuk SA10A Kod 118 - Teknologi Maklumat dan Informasi.

Kaola ingin mengaitkan soalan kaola dengan soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman tadi. Brunei Darussalam memiliki penembusan media sosial yang ketiga tertinggi di dunia dengan 370,000 pengguna ataupun 68% dari jumlah penduduk melalui laporan digital *in 2017 global overview*.

Ia bermaksud kita tidak dapat mengelak pihak awam daripada menggunakan media sosial untuk memperolehi maklumat. Malangnya semakin mudah untuk menyebarkan maklumat palsu yang menyumbang kepada ketidakpercayaan dan ketidaksepakatan.

Sepatutnya diadakan tatacara operasi standard (*SOP*) supaya jabatan-jabatan yang terbabit bertindak balas terhadap

tuduhan-tuduhan serta dapat membantu mendidik pihak awam serta membina kepercayaan.

Oleh itu, setiap kementerian disarankan untuk memiliki latihan tertentu untuk memberi tindak balas dalam memperbetulkan salah faham dan bukan sekadar dibiarkan sahaja. Cadangan kaola untuk mengadakan *SOP* bagi menangani isu tersebut kerana pihak awam akan terus menggunakan sosial media dan menyebarkan maklumat tanpa memperdulikan kebenarannya. Ini dapat dibuat melalui 8 sesawang kementerian yang terbabit dan juga *facebook* sekiranya ada. Dalam jangka masa yang panjang pendidikan bagaimana untuk mengendalikan mesej tular juga patut dibuat.

Kaola juga ingin merujuk kepada Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam Kod, 1119/008-Sumber Tenaga Manusia. Kaola difahamkan banyak jawatan masih dipangku berpanjangan. Kaola ingin memohon penerangan tentang *Civil Services leadership pipeline* bagi menangani masalah ini. Terakhir sekali merujuk kepada Tajuk SA23A - Pusat Kebangsaan e-Kerajaan.

Kaola ingin menyarankan bahawa pusat ini membantu kementerian-kementerian untuk meningkatkan kualiti laman sesawang setiap kementerian bagi memudahkan orang ramai untuk mendapatkan maklumat dan membuat urusan perkhidmatan. Penubuhan sistem-sistem *online* seperti *LARIS*, *Busniess.gov*, *one government private cloud* dan *one government billing*

*system* sangatlah menggalakkan. Namun kebanyakan laman sesawang kerajaan kekurangan dari segi maklumat asas seperti program-program dan berita dan sebagainya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** 

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. saya ucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha Jabatan Perdana Menteri seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu tadi. Saya merujuk 2 perkara iaitu:-

1. Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam. Adakah perancangan untuk memasukkan dalam perancangan kewangan untuk memperkenalkan skim insurans nyawa untuk semua penjawat awam kerajaan walau apa pun juga jenis tugasnya. Ini memandangkan sekiranya terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini seperti kemalangan menggunakan aset kerajaan atau semasa menjalankan tugas rasmi pihak kerajaan akan menanggung perbelanjaan yang besar sebagai pampasan.
2. Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Negara Brunei Darussalam telah pun

menanda tangani perjanjian Paris pada 22 April 2016. Antara strategi yang dicadangkan untuk negara yang menanda tangani ialah menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih efisien. Memberi subsidi tenaga yang boleh diperbaharui ataupun dipanggil *renewal energy*. Memberi insentif kepada aktiviti yang bersifat *lower carbon foot print* mengawal selia perniagaan mengubah tingkah laku orang ramai melalui pendidikan, menamatkan subsidi minyak mentah dan mengurangkan pengeluaran *carbon dioxide*.

Dapatkah diterangkan lagi ataupun diterangkan apakah strategi negara dalam perkara ini sebagai salah sebuah ahli, sebuah negara menanda tangani Perjanjian Paris. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَلَامًا مَخْتَلِفًا وَعَلَى آلِهِ وَحَسْبِهِمْ خَيْرٌ  
 سَلَامًا مَخْتَلِفًا مَخْتَلِفًا صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera sekali lagi. Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei. Kaola terlebih dahulu merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Radio Televisyen Brunei

kerana telah mengorak langkah lebih ke hadapan dengan memperkenalkan perkhidmatan televisyen digital bagi menyahut kemahuan negara-negara *ASEAN* yang menghendaki semua siaran televisyen di negara-negara *ASEAN* termasuk Negara Brunei Darussalam mesti beralih dari siaran analog kepada digital.

Walau bagaimanapun dalam kehairahan kita untuk menyahut seruan tersebut masih terdapat masalah yang perlu diatasi iaitu mengenai kualiti penyiarannya bahawa siaran televisyen Brunei tidak dapat diterima siarannya atau diikuti semua lapisan rakyat terutama di kawasan pedalaman Zon 2 Daerah Belait. Kalau ada dapat menerima siarannya kualitinya kurang memuaskan di mana gambarnya sering tersekat seperti *CD* rosak.

Manakala peralatan yang diperlukan pula terlalu sukar seperti memerlukan aerial TV yang khusus dan *receiver* yang membolehkan siaran Brunei dapat diterima daripada memerlukan aerial biasa. Maka kaola ingin memohon kepada Radio Televisyen Brunei akan dapat memperbaiki ataupun mengkaji semula mengenai siaran yang dapat diterima di kawasan pedalaman di Daerah Belait. Sekian disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menimbulkan Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan awam di negara ini merupakan nadi utama atau jentera penggerak bukan sahaja program-program pembangunan negara bahkan juga segala dasar dan peraturan kerajaan bagi mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan negara dan seterusnya bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan.

Bagi melaksanakan dengan jaya dan sempurnanya segala usaha pembangunan negara ini, kita memerlukan atau bergantung kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam di samping penglibatan sepenuhnya sektor swasta. Jika perkhidmatan awam ini tidak cekap dan berkesan adalah sukar bagi kita untuk memandu negara kita ke tahap pembangunan yang lebih tinggi. Sehubungan itu, kebanyakan pegawai dalam perkhidmatan awam pada waktu ini masih lagi diaturkan mengisikan kekosongan-kekosongan jawatan yang tertentu dan yang penting secara dipangku sehinggakan tempohnya mencapai 3 tahun lebih.

Ke arah ini saya berpendapat perkara seumpama ini kurang berkesan dan sempurna kerana ia boleh menjejaskan

imej kebolehan seorang pegawai berkenaan. Adalah lebih elok jika dalam tempoh 6 bulan kebolehan atau prestasi seseorang pegawai itu tidak memenuhi apa yang dihasratkan atau diperlukan eloklah pegawai berkenaan ditukar atau dipindahkan. Tempoh terlalu lama juga akan menjejaskan kekosongan jawatannya dan peluang untuk mengisikan jawatannya akan tertutup bagi pegawai yang lain dan calon-calon mencari kerja.

Ini bermakna pengangguran juga akan bertambah. Persoalan yang ditimbulkan oleh rakyat ialah. Adakah Jawatankuasa Penilai Kenaikan Pangkat dan Lantikan yang dilantik menganggotai jawatankuasa berkenaan benar-benar arif jujur lagi amanah berpandukan kepada senioriti kelulusan, pengalaman, berkebolehan dan keperluan lain dalam membuat penilaian. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola mengucapkan tahniah atas penerangan Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Insya-Allah dengan kebijaksanaan Yang Berhormat, kementerian ini mudah-

mudahan akan berjaya cemerlang untuk pembangunan bangsa Brunei.

Kaola membawakan Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam. Soalan kaola, Sejauh mana jabatan ini berjaya dalam merealisasikan misi yang dilaksanakan? Apakah latihan-latihan dan kursus-kursus sentiasa dijalankan sepanjang tahun kepada penjawat-penjawat awam seperti misi yang tersurat? Menyediakan perancangan yang sistematik, pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang kompeten dalam perkhidmatan awam seterusnya Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Apakah statistik perkhidmatan jabatan ini kepada orang ramai khususnya dalam Tekad Pemedulian Orang Ramai mengenai laporan orang ramai tentang ketidakpuasan hati orang ramai dengan jabatan-jabatan yang diadakan?

Seterusnya Tajuk SA08A - Radio dan Televisyen Brunei. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Radio dan Televisyen Brunei telah banyak berkhidmat dan memberigakan aktiviti-aktiviti negara dan rakyat. Dicadangkan kepada jabatan ini untuk lebih mendekati rakyat dan membuat aktiviti bersama orang ramai dan memberi keutamaan berita dan dokumentari apa jua aktiviti untuk ditayangkan melalui saluran RTB. Ini bertujuan menunjukkan komitmen RTB bukan hanya lebih menjurus kepada pihak-pihak tertentu, maka bisai ia bersifat *As A Whole Opportunity Approach*, maka bukan bererti kami menidakkan aktiviti-aktiviti RTB selama ini hanya untuk menambah lagi supaya RTB lebih

ditonton oleh kebanyakan rakyat Brunei. Sekian Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ**

Yang Berhormat Pengerusi, Kaola dengan penuh hormat sukacita ingin menghadapkan persoalan dalam Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri.

Kaola sukacita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah dan rasa gembira atas perkembangan bertambahnya peluang perkerjaan khususnya bagi pekerja-pekerja tempatan dan juga jumlah pekerja tempatan yang sudah semakin bertambah di sektor swasta.

Malah rancangan yang berterusan dalam mewujudkan peluang perkerjaan kepada anak-anak tempatan terus bertambah sama ada di sektor awam ataupun di sektor swasta.

Dalam pada itu, satu pandangan yang baik buat masa ini agar pekerja tempatan dan pekerja asing jumlahnya yang mencecah mungkin hampir ratusan ribu itu dapat diseimbangkan dan seterusnya dalam usaha-usaha

yang berterusan mengecilkan bilangan pekerja asing di negara ini mengikut peringkat demi peringkat. Yang Berhormat Pengerusi. Apa yang kaola difahamkan bahawa tenaga pekerja asing yang bekerja di sektor swasta ini mendapat atau disediakan kemudahan-kemudahan dan kesejahteraan dan elaun-elaun tertentu diberikan dikebanyakan sektor-sektor swasta bagi pekerja-pekerja asing.

Kaola sukacita ingin menghadapkan dalam perkara ini supaya dilaratkan jua kemudahan-kemudahan ini kepada pekerja-pekerja tempatan dan diperseimbangkan sebagai satu skim kemudahan dan kesejahteraan kepada pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta di negara ini.

Kaola juga pohonkan supaya pihak kementerian yang berkenaan membuat kajian dan atau dikaji apakah kesejahteraan atau kemudahan sebagai satu skim yang wajar bagi pekerja tempatan di sektor swasta sebagai satu keprihatinan. Yang Berhormat Pengerusi, sekian sahaja.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei. Apa

yang diterangkan dan kenyataan yang dilihat di sini bahawa peruntukan telah diberikan kepada Radio Televisyen Brunei sebanyak \$41,499,140.00. Dalam perkara ini, saya ingin menyatakan bahawa sebagai satu-satunya agensi penyiaran bagaimana RTB boleh menjana hasil sedangkan perbelanjaan untuk membeli rancangan-rancangan luar negeri juga melibatkan kos yang banyak.

Dengan persaingan *TV Astro* dan Satelit Indonesia, orang awam kurang menonton TV Brunei, jadi pertanyaan saya apakah langkah-langkah yang diambil oleh Radio Televisyen Brunei mengenai perkara ini?

Dan kaola ingin menyentuh mengenai dengan Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Kaola ingin menyentuh mengenai Pulau Muara Besar. Lebih dahulu saya sangat-sangat merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustriaan yang telah memberikan taklimat yang secukup-cukupnya.

Saya ada 8 soalan mengenai Pulau Muara Besar dengan Syarikat Hengyi Sendirian Berhad:

1. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan tahap keselamatan di Pulau Muara Besar? Adakah pihak anggota keselamatan negara seperti Pasukan Polis, Pasukan Anggota Bersenjata dan Anggota Keselamatan Dalam Negeri dilibatkan sama bagi menguatkan

- lagi tahap keselamatan di Pulau Muara Besar seperti mana yang telah dibuat oleh negara-negara jiran bagi menjaga keselamatan pekerja-pekerja dan aset negara mereka. Adakah perkiraan jumlah pekerja dan barangan dibuat bagi setiap penghuni dan barang-barang yang keluar masuk kawasan di Pulau Muara Besar?;
2. Adakah semua kemasukan jentera dan perkakas dan alat-alat pembangunan serta kapal-kapal yang diberi kebenaran terus berlabuh di Pulau Muara Besar diperiksa dengan rapi oleh Pegawai-Pegawai Kastam dan Keselamatan sebelum mendarat di Pulau Muara Besar?;
  3. Adakah perjanjian Syarikat Hengyi bagi memberi peluang pekerjaan dan perniagaan bagi anak-anak tempatan dipantau oleh pihak-pihak tertentu? Apakah statistik jumlah pekerjaan tempatan yang ada buat masa ini?;
  4. Saya difahamkan bahawa kerja-kerja yang diungkayahkan oleh Pekerja-Pekerja Tempatan (PPK) bagi membangun loji penapis minyak ini adalah kerja sementara. Apa akan jadi kepada pekerja-pekerja tempatan ini bila siap nanti pembangunan loji penapis minyak? Adakah mereka akan diambil terus bekerja dengan Syarikat Hengyi atau akan diberhentikan sesudah siap pembangunan?;
  5. Apakah sumbangan-sumbangan jangka panjang dari segi ekonomi kepada negara dan khususnya penduduk di sekitar Muara oleh Syarikat Hengyi selain pekerja atau perniagaan yang dijanjikan? Bagaimana dengan sumbangan *corporate social responsibility* bagi menolong membangunkan taraf hidup bagi penduduk tempatan khususnya penduduk sekitar Mukim Muara.;
  6. Adakah ada perbincangan dengan orang tempatan dipelawa ikut serta bagi membiayai pinjaman kewangan untuk projek Syarikat Hengyi?;
  7. Adakah mutu pembangunan dari segi penggunaan *raw material* dan hasil yang dibuat oleh kontraktor-kontraktor Cina mengikut prestasi antarabangsa dan diluluskan menurut standard antarabangsa?; dan
  8. Adakah Pulau Muara Besar akan dijadikan sebagai sebuah zon bebas cukai untuk kesenangan pihak Syarikat Hengyi buat jangka panjang?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanti binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul**

**Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk semula soalan yang kaola kemukakan pagi tadi iaitu soalan tambahan Yang Diberi Notis kerana masih menunggu jawapan, takut Yang Berhormat kelupahan iaitu mengenai Program *i-Ready* supaya ia tidak dihadkan di dalam negeri dan dibukakan *apprenticeshipnya* keluar negeri untuk memberi pendedahan yang lebih luas. Apakah perancangan *i-Ready* pada masa yang akan datang? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Seterusnya Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
 وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ  
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

Kaola menyuarakan Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Yang Berhormat Pengerusi, dalam agenda membahaskan Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum ini kaola ada menyebut mengenai kepentingan pengurusan yang berkesan di kesemua peringkat dalam sesebuah agensi dan institusi terutamanya dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Pengurusan termasuklah mengenai prosedur, dasar, peraturan, kemudahan dan sebagainya dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Seperti yang kita sedia maklum, jangkakan orang ramai terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan semakin tinggi. Perkara ini amatlah dirasai yang kita sering kali mendengar atau membaca penulisan mengenai keluhan, rungutan, ketidakpuasan atau cadangan orang ramai terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan terutamanya melalui media sosial seperti *facebook* dan *whatsapp* bahkan ia pada masa ini seolah-olah sudah menjadi satu *trend* bagi orang ramai untuk meluahkan isu-isu yang melibatkan kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola percaya salah satu peranan Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan berfungsi untuk membuat pemeriksaan terhadap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan agensi kerajaan termasuklah melaksanakan kajian, mengemukakan cadangan dan sebagainya supaya perkhidmatan awam lebih berkesan dan efisien.



Dalam hal yang demikian, kaola ingin bertanya; apakah masalah-masalah yang dibiarkan atau ditularkan seperti yang kerap kali dibaca melalui media sosial tersebut yang melibatkan pengurusan perkhidmatan mana-mana jabatan atau kementerian diambil tindakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan? Atau ia cuma akan diambil tindakan jika ada aduan dibuat secara formal sahaja atau melalui perjumpaan atau atas arahan pihak atasan?

Apa pun penjelasan yang diberikan nanti kaola berharap agar Jabatan Perkhidmatan Pengurusan ini akan lebih proaktif dalam menangani isu-isu kelemahan perkhidmatan kerajaan terutamanya yang berhubung kait dengan orang ramai. Kaola juga yakin tidak ramai orang yang tahu Jabatan Perkhidmatan Pengurusan juga boleh menerima aduan secara langsung.

Oleh yang demikian, kaola berharap talian *hotline* jabatan akan dapat diadakan dan seterusnya talian tersebut perlu diberigakan kepada orang ramai bagi memudahkan orang ramai menghubungi dan membuat aduan sekali gus dapat membendung *trend* mem *viral* di media sosial.

Dengan adanya penglibatan langsung dengan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan kaola percaya dengan kaedah *whole of nation approach* Jabatan Perkhidmatan Pengurusan sebagai pakar dalam pengurusan perkhidmatan akan dapat membantu agensi-agensi kerajaan lain dalam memantapkan lagi sistem prosedur

perkhidmatan agensi-agensi kerajaan berkenaan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Lebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien, Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri atas taklimat yang disampaikan.

Saya ada menyuarakan dua perkara seperti mana yang disuarakan oleh 2 orang Yang Berhormat tadi iaitu mengenai Tajuk SA08A, khususnya bagi Daerah Temburong. Slogan RTB berbunyi, "Sentiasa Bersama Abiskita", memberi petunjuk bahawa RTB sentiasa didengari dan dilihat kerana RTB berperanan sebagai penghubung dan memberi maklumat perkembangan semasa di dalam dan luar negara terutama maklumat kerajaan kepada orang ramai melalui siarannya.

Bagi pancaran radio, الحمد لله hampir keseluruhan di Daerah Temburong telah dapat menerima dengan baik. Walau bagaimanapun, hasil maklumat dari orang ramai didapati masih terdapat di kawasan-kawasan tertentu kurang

kelas penerimaan siaran televisyennya, walaupun di kawasan Pekan Bangar sendiri seperti di kawasan Kampung Sungai Tanit dan mungkin ada sesuatu yang tidak kena yang memerlukan siasatan dan kajian secara menyeluruh.

Berikutnya Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Salah satu hasil Daerah Temburong ialah batu kelikirnya, walaupun masa kini agak berkurangan hasil batu kelikir tersebut. Walaupun demikian, masih terdapat batu pasir yang masih banyak yang boleh diolah menjadi batu-bata. Seperti yang saya difahamkan, ada syarikat yang berminat untuk mengusahakan batu-bata dari batu pasir daripada ia terbiar begitu sahaja dan adalah baik ianya diproses dan dijadikan sebagai batu-bata yang juga merupakan satu lagi hasil produk dari Daerah Temburong. Dipohonkan penjelasan mengenainya. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Dipersilakan, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bertanya 2 Tajuk iaitu Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei, iaitu Tajuk yang telah dibawa oleh sahabat-sahabat tadi, tetapi agak berlainan sedikit iaitu:-

1. Tajuk Radio Televisyen Brunei – 003/000 bagi Program dan Aktivitinya ialah Operasi dan

Perkembangan Infrastruktur Penyiaran. Jumlah keseluruhan Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 ialah \$14,500,870 juta, mengenai perubahan penyiaran televisyen daripada analog kepada digital telah pun dilaksanakan. Kesannya ada sungutan orang ramai sebahagiannya tidak menerima kualiti gambar yang baik. Yang kaola maksudkan ialah sebahagian kawasan di Mukim Kiudang dan Mukim Lamunin di Daerah Tutong, Radio Televisyen Brunei ada meramalkan sasaran Petunjuk Prestasi Utama, penerimaan orang ramai terhadap siaran televisyen digital Brunei 2016/2017 ialah anggaran 90% tetapi sebenarnya hanyalah 43% dan ramalan sasaran 2018/2019 adalah 60%. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** mudah-mudahan ia akan terlaksana.

Soalan kaola: Apakah ada cadangan usaha-usaha untuk memberigakan tatacara penggunaan komponen yang diperlukan dengan melakukan jerayawara ke kampung-kampung berkenaan? dan kalau perlu pegawai dan kakitangan teknikal berkenaan membantu menunjuk cara pemasangan peralatan yang diperlukan atau makluman sebab musabab kegagalan-kegagalan penyiaran tersebut; dan

2. Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam, 002/002 - Program dan Aktiviti Pembangunan Sumber Bahagian Perkhidmatan Kaunseling iaitu Pembangunan Sumber Manusia - Bahagian

Perkhidmatan Kaunseling. Jumlah peruntukan \$447,420,00 bagi membantu prestasi dan keupayaan perkhidmatan awam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam agar lebih baik. Perkhidmatan Kaunseling adalah satu keperluan kerana proses kaunseling merupakan satu proses perhubungan antara kaunselor dengan klien bagi menolong menghasilkan perubahan positif kepada klien sepanjang hayat secara sistematik berasaskan prinsip psikologi secara sukarela. Soalan kaola:-

- i. Apakah pencapaian perubahan berkaitan tingkah laku klien di perkhidmatan awam sekarang ini dan bagaimana peningkatan pencapaian prestasi kerja mereka sekarang?; dan
- ii. Adakah perancangan untuk menyerapkan jua pengetahuan Kaunseling ini kepada ketua-ketua kampung agar diguna pakai untuk membantu menangani masalah dengan anak-anak buah kampung?

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin

bercakap mengenai Tajuk SA15A - Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian.

Pada pertengahan tahun 2017 yang lalu, hampir 100 orang pengusaha kecil dan sederhana seluruh negara yang terpilih iaitu yang memenuhi syarat produk mereka itu bukan sahaja dipasarkan dalam negara tetapi di luar negara yang rombongannya itu termasuk juga pengusaha-pengusaha dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara iaitu dibawa ke ekspo China, Nanning dan sebelum itu mereka juga ada yang dibawa ke ekspo Jepun dan Pulau Pinang.

Soalan kaola, apakah urutan yang dibuat kepada pengusaha-pengusaha ini bagi memperkasakan lagi hasil produk mereka bukan sahaja mereka ini dapat mengeksport dalam negeri tetapi juga luar negara? Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei. Ada beberapa perkara yang kaola ingin kongsi di sini:-

1. Kaola dapati khususnya siaran radio, masih menyiarkan rakaman lama untuk siarannya. Ada satu rangkaian, tidak perlu kaola sebutkan di sini, yang menyiarkan bertahun-tahun siaran yang sama.

Maafkan kaola menyebut, khususnya di bulan Ramadan, bila kitani bangun pagi-pagi pukul 3.30 pagi siaran itu sudah bermula. Kitani sudah tahu, lepas siaran ini diikuti dengan siaran ini, hinggalah sampai kepada masa ataupun saat masuk waktu Subuh, siaran itu sentiasa sama setiap hari.

Kaola pun hairan mengapa perkara itu berlaku. Jika sekiranya perkara itu berlaku, bukan baru-baru ini, Yang Berhormat Pengerusi, sudah berpuluh-puluh tahun, seingat kaola, satu siaran itu orang yang bernasyid asalnya penuntut sekarang sudah jadi doktor. Bukanlah kaola ingin mempersendakan tetapi yang sebenarnya.

Jika sekiranya siaran itu dibuat untuk keselesaan ataupun kesenangan hanya menggunakan kaset atau apa saja bagi mengurangkan perbelanjaan atau sebagainya. Kaola berharap pihak berkenaan dapatlah menambah bajet untuk perkara itu kerana zaman sekarang ini kita perlu kreatif dan inovatif, jadi orang ramai pun tahu menilai bagaimana siaran-siaran yang bermutu tinggi;

2. Masih lagi Radio Televisyen Brunei kecenderungan siaran Radio tidak menyebut nama pencipta atau penulis lirik bagi lagu-lagu tertentu khususnya lagu-lagu patriotik pada masa-masa tertentu seperti Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan dan sebagainya. Kerana penciptaan satu-satu lagu itu ataupun ciptaan seni itu harganya/nilainya bukanlah mudah bagi penulis lirik, pencipta melodi, mereka tidaklah diperlukan untuk mengagung-agungkan nama mereka, tetapi sekadar disebut pun syukur alhamdulillah. Jadi kaola sarankan jika sekiranya dapat perkara ini disemak semula dengan memberikan peluang kepada juruhebah-juruhebah itu menyebutkan bahawasanya lagu ini ciptaan, nyanyian, liriknya dicipta dan pada tahun sekian-sekian.

Kaola dapati juga terdapat satu rangkaian radio yang menggunakan bahasa rojak. Ada 2 juruhebah iaitu satu bahasa Inggeris dan satu bahasa Melayu. Tetapi kaola tidak ingat apa nama rangkaiannya, mereka bergilir-gilir berkata-kata, berbual-bual dalam rancangan itu yang kaola rasa tidak begitu sesuai perkembangan bahasa kita. Kalau ia bahasa Melayu hendaklah bahasa Melayu sahaja berbentuk rojak dan kadang-kadang ada juga yang mengandungi peibunan-peibunan yang kurang sesuai bagi kaola dan para pendengar; dan

3. Terakhir kaola cadangkan supaya pihak RTB membanyakkan siaran

dan rancangan tempatan diambil khususnya mengenai kehidupan dan aktiviti budaya rakyat negara ini. Kaola tertarik ada beberapa siaran radio rakaman mengenai etnik-etnik tertentu, budaya, kehidupan dan bahasa mereka dan perkara itu adalah perkara yang baik untuk menyuburkan khazanah budaya bangsa kita dalam memperkenalkan kepada generasi baharu aspek-aspek kehidupan masyarakat di negara ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.  
Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada Program Pengawasan Kejiranan Kampung yang telah diadakan setelah sekian lamanya di beberapa buah kampung di seluruh negara dengan tujuan untuk menanamkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang kepentingan dalam sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga keamanan dan kestabilan negara.

Soalan:-

1. Apakah ada strategi ataupun hala tuju seterusnya pihak Pasukan Polis Di-rajah Brunei dalam meningkatkan lagi keberkesanan Program Pengawasan Kejiranan Kampung ini khususnya dalam mengemaskinikan atau memperluaskan lagi fungsi program berkenaan sehingga benar-benar dapat menyumbang ke arah keamanan dan kestabilan negara serta dalam mengatasi kejadian-kejadian jenayah. Adakah diharapkan juga latihan dan tunjuk ajar di khususkan Ahli-Ahli pengawasan Kejiranan kampung yang telah dilantik supaya dapat diadakan secara berterusan dari masa ke masa dalam memastikan agar setiap ahli mengetahui dan memahami akan peranan masing-masing kerana mereka adalah orang awam; dan
2. Dengan bertambahnya kawasan-kawasan Rancangan Perumahan Negara di setiap daerah. Adakah perancangan pihak Pasukan Polis Di-rajah Brunei untuk menempatkan pos-pos polis di kawasan-kawasan berkenaan yang antara lain bertujuan membantu mengawal dan mencegah kejadian jenayah di samping meningkatkan *response time* jika berlakunya kejadian jenayah. Adakah dicadangkan supaya Pasukan Polis Di-rajah Brunei dapat meningkatkan lagi keberadaan polis *visibility* di tempat-tempat strategik menggunakan kaedah sistem litar tertutup (*CCTV*) dalam memantau aktiviti-aktiviti kawasan

persekitaran serta memperbanyakkan lagi kekerapan dengan rondaan-rondaan khususnya di tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai *hotspot*.

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Kita telah pun mendengar beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya percaya soalan-soalan itu perlu diteliti oleh pihak yang berkenaan, maka saya berpendapat ada baiknya kita teruskan lagi penelitian mengenai Tajuk-Tajuk berikutnya supaya kita mengetahui soalan-soalan seterusnya dan esok pagi insya-Allah saya akan memberikan peluang kepada jabatan ataupun Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan untuk memberikan jawapan dan keterangan-keterangan mereka. Jika ini dipersetujui oleh Yang Berhormat kedua-dua menteri yang berkenaan kita akan berbuat sedemikian.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi hingga Tajuk SA25A - Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya sekarang membukakan Tajuk-Tajuk yang berkenaan ini untuk dipersoalkan. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang

Berhormat. Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kod 003/000 iaitu Penyelenggaraan Sistem Penghantaran dan Pembahagian dengan jumlah anggaran perbelanjaan \$31, 661,400.00.

Yang Berhormat Pengerusi. Sikap berjimat cermat dalam penggunaan bekalan tenaga elektrik sudah berjalan selama lebih kurang 2 tahun. Antaranya ialah penutupan lampu-lampu di jalan raya dan lebuhraya termasuk kawasan pekan dan bandar. Penutupan kawasan bandar dan pekan menjadi suram tidak ada keceriaan. Hal ini memberi kesan kehadiran pelancong yang bersiar pada waktu malam di kawasan pekan dan bandar khususnya di Daerah Tutong. Terdapat lorong dan kawasan kedai yang gelap. Soalan kaola:-

1. Adakah cadangan untuk menghidupkan semula lampu-lampu di kawasan yang dimaksudkan itu termasuk sebahagian kawasan letak kereta waktu kecemasan di lebuhraya?; dan
2. Adakah cadangan untuk memberikan bekalan tenaga elektrik Jalan Long Mayan Merangking supaya sebahagian penduduk-penduduk di kawasan tersebut terdapat bekalan elektrik tersebut.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya merujuk Tajuk SA23A, Kod 1118 - Teknologi Maklumat dan Info Komunikasi.

الحَمْدُ لِلَّهِ saya menyambut baik usaha pihak kerajaan dalam melaksanakan Pusat Data Kerajaan dan infrastruktur *cloud system*. Negara Brunei Darussalam mempunyai pelbagai sistem pangkalan data atau *database* contohnya rekod kad pengenalan, pasport iaitu seperti *Bruhims* dan lesen memandu. Adakah usaha untuk menyatukan pangkalan data ini dan ia dapat diakses secara lebih senang melalui sistem *smart card* kitani iaitu dalam kad pengenalan yang mempunyai *chip smart card* yang pada masa ini penggunaannya terhad. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Soalan saya bagi Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi 002/002 Penyelidikan Dasar dan Ramalan Makroekonomi. Kaola ingin merujuk semula soalan yang kaola dikemukakan tadi pagi mengenai dengan Laporan Perkembangan Ekonomi JPKE. Data yang diterima mengenai hasil kerajaan 2016/2017 iaitu \$3.616 billion, 2017-2018 - \$3.7 billion dan dari merujuk Laporan Perkembangan Ekonomi dari

JPKE bertarikh 30 Januari 2018 semasa sesi muzakarah bersama JPKE dijangkakan pada tahun 2019 dan 2020 imbalan fiskal dijangkakan akan kembali kepada lebihan.

Berdasarkan harga minyak yang tidak menentu anggaran kenaikan KDNK yang dijangkakan tersebut. Saya ingin bertanya sekali lagi dari sektor atau kluster manakah ianya dianggarkan ada kenaikan KDNK sekiranya tidak melihat dari sektor *oil* dan *gas*?. Ini kerana supaya kita dapat mengetahui perancangan secara telus dan dikongsikan bersama sektor swasta sama ada kita mempunyai *economic blueprint* ataupun *cluster development plan* yang dalam jangka masa pendek ataupun jangka masa panjang dari peringkat makroekonomi itu. Adakah ia sudah dilaksanakan?.

Menurut laporan tersebut kalau dilihat 2019-2020 imbalan fiskal dijangkakan akan kembali kepada lebihan, bererti hasil kerajaan yang dijangkakan akan mencecah ke \$5.3 bilion dollar. Sedangkan pada masa ini hasil kitani masih \$3.7 bilion berdasarkan 2017/2018. Beerti pada tahun depan kitani memerlukan tambahan \$800 juta dan kemudian *another* \$800 juta bagi 2019 dan 2020. Kaola ingin bertanya mengenai data-data yang membuat imbalan fiskal yang dijangkakan kembali kepada lebihan sebab kaola percaya perbincangan terbuka dan *transparency* yang melibatkan pelbagai pihak penting dalam merancang hala tuju perkembangan perekonomian negara.

Ini dari berbagai-bagai sektor sekiranya sasaran bersama ialah untuk meningkatkan kemajuan ekonomi negara ke arah yang lebih positif. Soalan kaola tadi sudahkah dilaksanakan *economic blueprint* atau *cluster development plan* dijangka masa pendek dan jangka panjang iaitu *short-term* dan *long-term* yang merujuk kembali kepada laporan perkembangan ekonomi dari JPKE mengenai imbalan fiskal yang dijangkakan akan kembali kepada lebihan 2019 dan 2020. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

الْحَمْدُ لِلَّهِ diucapkan tahniah pada usaha-usaha jabatan ini dalam memberikan perkhidmatan segera bagi menangani masalah perkhidmatan elektrik melalui *group whatsapp* yang telah dibuat bersama Penghulu dan Ketua Kampung yang banyak membantu dan memudahkan perhubungan dan laporan segera jika terdapat masalah elektrik mengikut kawasan masing-masing. Alhamdulillah ini adalah satu usaha yang baik dan mudah-mudahan akan dibuat jua oleh mana-mana perkhidmatan-perkhidmatan awam. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Adakah lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya ataupun membuat keterangan mengenai Tajuk yang berkenaan ini. Silakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA17A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Pada masa ini sudah ramai anak-anak kitani lepasan dari institusi-institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara yang mempunyai kelulusan diploma dan ijazah yang tidak mempunyai pekerjaan (menggagur).

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi adakah pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi sudah berfikir untuk menyediakan Skim Pinjaman Kewangan bagi berniaga seperti kedai-kedai runcit atau pun *minimart*, Kedai Jahit ataupun *hardware* dan lain-lain? atau mengendalikan perusahaan sendiri seperti bengkel-bengkel kereta dan seumpamanya untuk menjadikan modal mereka bagi mengendalikan perniagaan tersebut.

Perkara seperti ini dahulu sudah pernah pihak kerajaan memberikan pinjaman kepada peladang muda iaitu lepasan dari Pusat Latihan Pertanian Sinaut, untuk mengusahakan ladang pertanian dan seterusnya berjual di gerai sendiri. Begitu juga dengan penuntut-penuntut



lepasan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang pernah memberi pinjaman modal kepada mereka bagi mengendalikan perusahaan membuat tenunan kain, membuat songkok dan pertukangan tembaga. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menyentuh sedikit mengenai Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Perkara ini sebenarnya mengenai kawalan harga.

Kaola harap kaola betul dalam Tajuk SA17A - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ini, termasuk jabatan yang mengawal kawalan harga. Kaola pernah menimbulkan semasa muzakarah di Jabatan Perdana Menteri, bahagian yang berkenaan mengenai terdapatnya banyak kedai runcit di kampung-kampung yang menaikkan harga sesuka hati tanpa kawalan dan perkara itu nampaknya akan ditangani oleh jabatan berkenaan.

Tetapi sejauh pengamatan kaola di daerah tempat kaola tinggal masih

lagi berleluasa, malah antara kedai itu terdapat perbezaan harga hingga ke paras yang tinggi sampai ada yang seringgit perbezaannya antara sebuah kedai dengan kedai yang lain. Jadi kaola harap perkara ini akan ditangani sebaik-baiknya dan diadakan pemeriksaan lebih kerap.

Mengenai Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Perkara ini sudah kaola timbulkan semasa muzakarah dengan Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian dalam bulan Februari tahun lepas iaitu sebelum Mesyuarat Musim Ketiga Belas bersama dengan Menteri Tenaga (*Energy*) pada masa itu. Kaola menimbulkan hanya perkara kecil iaitu kaola dapati di *DES Department of Electrical Services*/ Jabatan Perkhidmatan Elektrik ada menempatkan sebuah mesin untuk mendapatkan unit bekalan elektrik itu hanya sebuah.

Jadi pada masa itu kaola timbulkan di hadapan yang berkenaan dan mereka berjanji akan menambah tetapi sudah setahun berlalu sekarang masih jua kaola lihat dan semalam ke sana didapati sudah rosak. Jadi kaola harapkan dapat disemak semula dan satu senario yang kaola hairan apabila orang ramai memasukkan wang untuk mendapatkan resit itu balik-balik tidak diterima oleh mesin itu, lalu kaola dibisikkan oleh seseorang di sana 'cuba pehin lihat keluaran tahun berapa wang \$100.00?' dilihat 2013. Ini tidak boleh, 2013 tidak akan diterimanya.

Jadi kaola pun hairan bagaimana mesin ini tahu tahun itu tidak diterima. Kaola cuba berkali-kali. Tahun yang lain diterimanya. Itu sahaja yang kaola minta supaya diambil perhatian dan diambil tindakan kerana setiap kali kaola pergi ke sana panjang *queue* sehingga 20 orang. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh mengenai Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Dengan peruntukan sebanyak \$128,722,200.00. Apakah ia termasuk untuk meluluskan pembinaan projek memasang *straight lighting* dari jalan masuk dari Sungai Liang ke Labi?;

Kaola mengusulkan memohon supaya ada perbelanjaan khusus bagi Jabatan Perkhidmatan Elektrik untuk menangani projek di luar jangkaan seperti membina *straight lighting* di *highway* yang baharu yang tidak termasuk dalam rancangan yang disebabkan oleh kepentingannya tanpa menarik atau menggunakan peruntukan bagi projek yang sedia dirancang supaya projek yang dirancang tidak tertangguh.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri, untuk memberikan respons mereka masing-masing terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan yang telah disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, maka saya berpendapat ada baiknya perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kita telah pun bersidang sehari dan telah pun memulakan perbincangan mengenai Rang Undang-Undang berhubung dengan Perbelanjaan Tahun 2018/2019, maka ada baiknya persidangan kita ini kita tangguhkan bagi membolehkan kita berehat dan kita akan menyambung semula perbincangan ini pada esok harinya pada hari Khamis, 8 Mac 2018, seperti biasa pukul 9.00 pagi.

Sekian **وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللّٰهِ وَبَرَكَاتِهِ**

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**